

PRINSIP-PRINSIP PENGAJARAN MENURUT CENDEKIAWAN ISLAM DAN APLIKASI DALAM PENGAJARAN FIQH

Siti Astri Hj Moxin
Muhamad Zahiri Awang Mat
Hjh Norwati Hj Abu Bakar

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

sitiastrihm@gmail.com

ABSTRAK

Kurikulum Fiqh merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib diajarkan di peringkat persekolahan agama di Negara Brunei Darussalam. Matlamat pengajaran Fiqh sebagaimana yang terkandung dalam sukatan pelajaran persekolahan agama diajarkan agar murid-murid dapat melaksanakan amal 'ibadat mengikut Syari'at Islam. Oleh itu, guru-guru agama adalah sebagai pelaksana kurikulum di peringkat sekolah. Mereka bertanggungjawab untuk memperkaya murid-murid dengan pelbagai ilmu dan meningkatkan penghayatan ilmu ke dalam diri setiap individu murid. Walau bagaimanapun, guru menghadapi cabaran dalam mencorak pengajaran yang berkualiti dan berkesan di dalam bilik darjah. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang prinsip-prinsip pengajaran Imam al-Mawardi dan Imam al-Ghazali dan aplikasinya dalam pengajaran Fiqh di persekolahan agama. Prinsip pengajaran yang diketengahkan oleh dua orang cendekiawan Islam ini dianggap penting dan sesuai diaplikasikan dalam pengajaran guru secara amnya dan khusus dalam bidang mata pelajaran Fiqh di peringkat persekolahan agama.

Kata Kunci: Prinsip pengajaran al-Mawardi dan al-Ghazali, Pengajaran dan Pembelajaran Fiqh, Pendidikan Islam

1.0 PENGENALAN

Islam mula berkembang di Brunei sekitar abad ke 13 atau 14 masehi semasa pemerintahan Sultan Muhammad Syah (Awang Asbol, 2017; Mahayudin, 2017; Muhammad Hadi, 2012; Mohammad Abd. Rahman, 2011; Awang Abdul Aziz, 2008). Sejalan dengan kedatangan Islam ke negara ini, maka pendidikan Islam secara tidak formal juga turut diajarkan ketika itu. Kurikulum yang diajarkan antaranya al-Qur'an, 'Ibadat Sembahyang, dan Tauhid (Awang Asbol, 2017). Sementara bagi orang yang pandai menulis dan membaca jawi kurikulum mereka ialah Ilmu Faraid, Nahu, Qaw'aid, Tasawuf dan Akhlak, ilmu Fiqh serta Babun-Nikah (Aslan, 2019; Awang Asbol, 2012; Masri, 2010; Jabatan Pengajian Islam, 1996). Pendidikan Islam semakin berkembang sekitar tahun 1931 masehi dan diajarkan secara formal di Sekolah Melayu Jalan Pemancha, Pekan Brunei (Awang Asbol, 2012; Mohammad Abd. Rahman, 2011; Masri, 2010).

Pada 31 Disember 1954, dua orang pegawai dari Negeri Johor diundang datang ke Brunei oleh Baginda al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien III untuk menilai semula keberkesanan pelajaran agama yang telah dilaksanakan di negara ini. Hasil penilaian mendapati bahawa peruntukan masa mengajar pelajaran agama di persekolahan Melayu dan Inggeris belum memuaskan. Selain itu, terdapat murid-murid yang tidak pandai mengucap dua kalimah syahadat dan tidak lancar membaca surah al-Fatihah serta belum memiliki tenaga pengajar yang mempunyai kelayakan akademik dan profesionalisme yang mencukupi (Awang Asbol, 2012; Mohammad Abd. Rahman, 2011; Masri, 2010; Abdul Hamid, 2004).

Atas perkenaan Baginda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien III, sekolah agama secara bersistem dan sepenuh masa telah ditubuhkan pada 16 September 1956 (Awang Asbol, 2012; Mohammad Abd. Rahman, 2011; Masri, 2010; Jabatan Pengajian Islam, 1996). Sekolah agama merupakan tempat khusus untuk mengajar kurikulum agama sepenuhnya seperti 'Ibadat, Adab, membaca al-Qur'an, Tauhid, Sejarah Islam, dan lain-lain hingga sekarang. Di persekolahan agama, mata pelajaran Sembahyang, Shiam, Zakat, Haji, Mu'amalat, Munakahat, dan Jenayah Islam adalah termasuk dalam kurikulum Fiqh Darjah IV hingga VI. Matlamat pengajaran Fiqh sebagaimana yang terkandung dalam sukatan pelajaran persekolahan agama diajarkan agar murid-murid dapat melaksanakan amal 'ibadat mengikut Syari'at Islam. Selari dengan pandangan Johar (2014) bahawa pelajaran Fiqh diajarkan untuk memberikan pengetahuan kepada murid tentang amalan dan hukum perbuatan yang berhubung dengan ilmu Fiqh. Kurikulum ini perlu diajarkan kepada murid-murid persekolahan agama. Oleh itu, guru adalah sebagai pelaksana kurikulum dan mengajarkan mata pelajaran yang disediakan kepada murid.

2.0 LATAR BELAKANG CENDIKIAWAN ISLAM

Pada bahagian ini akan membincangkan latar belakang cendikiawan Islam yang menjadi rujukan terhadap prinsip pengajaran mereka dan aplikasinya ke dalam pengajaran Fiqh di sekolah agama. Oleh itu, dua orang cendikiawan Islam yang menjadi rujukan iaitu Imam al-Mawardi dan Imam al-Ghazali.

Imam al-Mawardi berasal daripada Kota Basrah di Negeri Iraq. Beliau dikenali dengan Imam al-Mawardi dan nama lengkap beliau adalah Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Habib al-Bashr al-Mawardi. Dilahirkan pada tahun 364 Hijrah dan meninggal dunia ketika berumur 86 tahun pada 450 Hijrah. Imam al-Mawardi adalah seorang ahli politik dan juga pakar dalam bidang Falsafah, Sastera Arab, Hadits, Fiqh, Syair, Nahwu, dan Ilmu Sosial. Antara guru beliau semasa di Kota Basrah ialah Syaikh Hasan bin Ali al-Jably, Syaikh Abu

Khulafah al-Jumhy, Syaikh Muhammad bin 'Adiy al-Marzy, Syaikh Muhammad bin Ma'ally al-Azdy, dan Syaikh Ja'far bin Muhammad al-Fadl al-Baghdadi (Syamsul Bahri, 2014; Imam al-Mawardi, 2009). Di Kota Basrah, beliau merupakan tenaga pengajar bagi masyarakat Basrah. Selain itu, beliau juga pernah mengajar di Baghdad. Karya beliau yang kekal ada hingga sekarang antaranya ialah kitab *Adabu al-Dunya wa al-Din*. Satu bab dalam kitab ini ada membincangkan tentang konsep ilmu dan tarbiyah.

Sementara Imam al-Ghazali adalah merupakan tokoh yang dilahirkan sebuah perkampungan Ghazalah Thus, di Khurasan pada tahun tahun 450 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 505 Hijrah ketika berumur 54 tahun. Beliau dikenali dengan Imam al-Ghazali dan nama lengkapnya adalah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad Abu Hamid al-Ghazali (Imam al-Ghazali, 2018; Abd. Rachman, 2013; Ramayulis & Samsul, 2010). Imam al-Ghazali suka merantau ke merata tempat untuk belajar antaranya kota Mekah, Madinah, Negara Mesir, Jerussalam dan Damsyiq. Beliau mendalami ilmu Fekah, Tasawuf dan Falsafah di samping ilmu-ilmu lain. Di antara guru beliau ialah Syeikh Ahmad ar-Razakani, Syeikh Abu Nase al-Isma'ili Imam al-Haramain al-Juwaini. Semasa beliau berada di kota Baghdad, beliau pernah menjadi tenaga pengajar di Insitusi Pengajian Tinggi di sana iaitu Madrasah Nizamiah (Imam al-Ghazali, 2018; Abu Muhammad Iqbal, 2015). Antara karya beliau yang terkenal hingga sekarang ialah kitab *Ihya 'Ulum al-Din* yang antaranya ada membincangkan tentang pendidikan terutama di bahagian awal kitabnya yang bertajuk *Kitab al-'Ilm* (Imam al-Ghazali, 2018).

Oleh itu, merujuk kepada kedua-dua karya daripada Imam al-Mawardi dan Imam al-Ghazali dapatlah disimpulkan bahawa terdapat beberapa prinsip pengajaran yang dirasakan amat relevan diamalkan oleh guru-guru agama hingga sekarang. Oleh itu, perbincangan lanjut mengenai prinsip-prinsip pengajaran kedua-dua cendekiawan ini akan dibincangkan dan aplikasinya dalam pengajaran Fiqh di sekolah agama.

3.0 PRINSIP-PRINSIP PENGAJARAN IMAM AL-MAWADI DAN IMAM AL-GHAZALI SERTA APLIKASI DALAM PENGAJARAN FIQH

Dalam Kitab *Adabu al-Dunya wa al-Din* dan Kitab *Ihya 'Ulum al-Din* ada membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan prinsip pengajaran guru. Prinsip-prinsip pengajaran yang dikenalkan oleh kedua-dua cendekiawan Islam ini dilihat masih relevan dan sesuai diaplikasikan dalam bidang pendidikan umum dan pendidikan agama khususnya. Oleh itu, bahagian ini membincangkan tentang beberapa prinsip pengajaran yang dikenal pasti diamalkan dan diaplikasikan oleh kalangan guru-guru agama khususnya dalam pengajaran Fiqh.

Pengajaran Secara Bertahap

Imam al-Mawardi dan Imam al-Ghazali telah menjelaskan bahawa dalam konteks pendidikan, guru perlu melaksanakan penyampaian pengajaran dengan secara bertahap. Pengajaran secara bertahap ini ada hubungkaitnya dengan pengetahuan guru terhadap ciri murid yang diajarkan. Adapun menurut Imam al-Mawardi (2009) seorang guru perlulah mengetahui dan mengenal pasti murid yang diajarkan. Pandangan Imam al-Mawardi ini adalah selari dengan pandangan Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz yang menyatakan bahawa guru perlu tahu kemampuan murid yang diajar (Mahayuddin, 2017). Hal demikian akan dapat membantu guru untuk menentukan kejayaan muridnya.

Pengetahuan guru agama terhadap murid adalah berdasarkan kepada pengetahuan mereka tentang perbezaan potensi dan pemikiran setiap murid. Pengajaran mereka perlulah

sesuai dengan tahap kemampuan dan kefahaman murid masing-masing. Oleh itu, guru-guru agama dapat mengenal pasti murid-murid yang diajar berdasarkan kepada tahap pencapaian dan sikap murid di dalam pengajaran Fiqh. Menerusi pengetahuan ini, guru-guru agama dapat mengenal pasti potensi setiap muridnya dan mereka berusaha untuk menyesuaikan pengajaran dengan murid yang diajar. Selaras dengan pandangan Imam al-Mawardi (2009), menjelaskan bahawa pengetahuan guru terhadap murid yang diajar dapat membantu mereka untuk merancang bahan pengajaran sesuai dengan intelek murid-murid. Guru mudah menyesuaikan bahan pengajaran dengan gaya penyampaian yang sesuai dengan tingkat kefahaman murid (Abd. Rachman, 2013; Rusli, 2013; Abdul Salam, 2010).

Imam al-Ghazali juga menegaskan sebagai guru, mereka perlu memahami potensi murid yang diajar (Abu Muhammad Iqbal, 2015; Syamsul Bahri, 2013b; Imam al-Ghazali, 2003). Selaras dengan pandangan sarjana Islam yang menyatakan bahawa guru dalam mengajar perlulah menyesuaikan bahan pengajaran dengan perkembangan murid (Gamal, 2014; Syamsul & Erwin, 2013; Abd Rachman, 2013; Ibn Khaldun, 2011) umur, kemampuan, dan bakat mereka (Ab. Aziz, 2013). Oleh itu, adalah penting bagi guru untuk memiliki ilmu psikologi murid agar mereka dapat menentukan bahan pengajaran yang sesuai diterapkan kepada muridnya (Abu Muhammad Iqbal, 2015; Abd. Rachman, 2013; Abdul Salam, 2010; al-Ghazali, 2003). Kemampuan guru menentukan bahan pengajaran juga dapat menentukan corak pengajaran yang berkesan (Nur Ain & Zamri, 2019; Nur Hanani, 2015; Abd. Rachman, 2013; Ibn Khaldun, 2011; Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman, 2010; Abdul Salam, 2010; Mohd. Khairuddin, 2009; Al-Abrasyi, 1974).

Pengetahuan guru terhadap murid adalah merupakan elemen yang penting dalam pengajaran Fiqh. Pengajaran Fiqh kalangan guru-guru agama didapati mereka dapat menyediakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan murid yang diajar. Menerusi pandangan penulis, menunjukkan bahawa pengajaran guru-guru Fiqh bukan hanya setakat berpusatkan guru, malahan strategi pengajaran berpusatkan murid juga dikenal pasti digunakan oleh mereka semasa mengajar di dalam bilik darjah. Hal ini adalah selaras dengan keperluan pendidikan di Abad ke-21 yang memerlukan penglibatan murid secara aktif di dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Memberikan Nasihat dan Bimbingan

Dalam al-Quran dan Hadith Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam pernah menyebutkan tentang nasihat. Tindakan memberi nasihat penting dalam Islam. Allah Subhanahu Wa Ta’ala pernah menjelaskan tentang nasihat sebagaimana Firman-Nya dalam surah an-Nahl ayat 125,

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

Tafsirnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik...”

Selain itu, Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam juga ada menjelaskan dalam Hadith Baginda yang diriwayatkan oleh Sahih Muslim pada Bahagian Agama Adalah Nasihat, No. Hadith 194 (Imam Nawawi, 2010, Musthafa Bugha, 2013) yang bersabda,

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبَّادٍ الْمَكِّيُّ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ: قُلْتُ لِسُهَيْلٍ: إِنَّ عَمْرًا حَدَّثَنَا عَنِ الْقَعْقَاعِ عَنْ أَبِيكَ وَرَجَوْتُ أَنْ يُسْقِطَ عَنِّي رَجُلًا. قَالَ: فَقَالَ: سَمِعْتُهُ مِنَ الَّذِي سَمِعَهُ مِنْهُ أَبِي. كَانَ صَدِيقًا لَهُ بِالشَّامِ ثُمَّ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ سُهَيْلٍ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَزِيدَ عَنْ تَمِيمِ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الَّذِينَ النَّصِيحَةُ قَلْنَا: لِمَنْ قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَالْأُمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

Maksudnya: “Muhammad bin ‘Abbad al-Makki telah memberitahukan kepada kami, Sufyan telah memberitahukan kepada kami, ia berkata, ‘Saya berkata kepada Suhail, bahawasanya ‘Amar telah memberitahukan kepada kami dari Al-Qa’qa, dari ayahmu. Ia mengatakan bahawa aku khawatir jika ia menggugurkan seorang rawi dariku. Ia berkata, ‘Saya telah mendengar Hadits tersebut dari orang yang memberitahukan ayahku kepada kami dari Suhail, dari Atha’ bin Yazid, dari Tamim Ad-Daari, radhiallahu bahawasanya Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda, ‘Agama adalah nasihat’. Kami bertanya, ‘Untuk siapa?’ Baginda menjawab, ‘Untuk Allah, Kitab-Nya, Rasul-Nya, dan untuk para pemimpin kaum muslimin dan umat Islam secara keseluruhannya’.

Imam al-Mawardi (2009) dan Imam al-Ghazali (2003) dalam kitab mereka ada menjelaskan tentang memberi nasihat. Imam al-Ghazali pernah menjadi guru dan memberi nasihat kepada anak muridnya. Dalam kitab Ayyuhal Walad, Imam al-Ghazali (2018) pernah memberikan nasihat kepada muridnya agar beramal dengan ilmu. Hal ini sebagaimana dalam petikan beliau: “*Ilmu tanpa amalan ialah gila dan amal tanpa ilmu pula adalah sia-sia*”. Ungkapan ini dianggap sebagai tindakan memberi nasihat kepada muridnya. Imam al-Mawardi (2009) pernah menjelaskan bahawa guru perlu memberi nasihat kepada muridnya agar mereka merasa bersemangat untuk belajar (Syamsul Bahri, 2014; Imam al-Mawardi, 2009). Al-Zarnuji (t.th), juga pernah menjelaskan tentang kewajipan guru memberi nasihat kepada murid.

Konsep nasihat ialah sebuah ungkapan menuju kepada kebaikan (Imam an-Nawawi, 2012; Syaikh Jamaluddin, 2010; Imam al-Ghazali, 2010; Ahmad & Mohd Farid, 2008).) Guru menurut Imam al-Ghazali (2018) adalah bertanggungjawab memimpin murid ke jalan Allah. Hal ini kerana guru itu umpama petani yang mencabut duri-duri dan rumput di tanamannya untuk dapat menghasilkan tanaman yang segar. Imam al-Ghazali (2018) pernah menjelaskan, *Seorang guru yang mursyid itu tidak ubahnya seperti kerja seorang petani yang sentiasa membuang duri dan mencabut rumput yang tumbuh di celah-celah tanamannya. Maka dengan itu tanamannya akan hidup segar dan akan menghasilkan hasil yang sempurna.*

Bentuk nasihat menurut Imam al-Ghazali (2003), guru ditegah memaki dan bertindak kasar kepada murid yang telah melakukan kesalahan. Oleh itu, selaras dengan pandangan Ibn Khaldun yang menyatakan guru jangan memaki dan bertindak kasar dengan murid mereka (Syamsul & Erwin, 2013; Abd Rachman, 2013; Ibn Khaldun, 2011; Ramayulis & Samsul, 2010). Dalam konteks pengajaran Fiqh di sekolah, guru-guru ugama sentiasa berhati-hati semasa mengajar murid mereka. Mereka mengamalkan tindakan memberi nasihat dengan cara yang berlemah lembut dan hikmah. Hal ini kerana berdasarkan Buku Panduan dan Peraturan Am Kerja Guru-Guru Ugama 1985 (Pindaan 2019) menegah guru-guru ugama untuk mengeluarkan sebarang provokasi, perkataan kesat dan yang kurang sopan seperti memaki murid (Jabatan Pengajian Islam, 2020). Selaras dengan pandangan al-Abrasyi (1974) menegaskan guru perlu menjaga perasaan dan air muka murid.

Selain memberi nasihat, tindakan membimbing secara berterusan juga diamalkan oleh kalangan guru-guru ugama dalam pengajaran Fiqh. Tuntutan memberi bimbingan ini pernah dijelaskan oleh Imam al-Ghazali dalam Kitabnya *Ihya ‘Ulum al-Din* (Ramayulis & Samsul, 2010; Imam al-Ghazali, 2003). Dalam konteks pengajaran Fiqh, konsep bimbingan yang diberikan ialah guru-guru ugama akan menyediakan satu masa yang khusus disediakan bagi murid-murid yang perlu dibantu segi untuk pengukuhan kefahaman mereka. Hal ini kerana, guru-guru ugama mengalami cabaran menghadapi pelbagai potensi dan tahap perkembangan murid yang berbeza-beza. Murid-murid di dalam satu kelas, mereka ada dikategorikan sebagai murid yang cepat, sederhana, dan lemah. Oleh itu, khusus bagi murid-murid yang kategori lemah, mereka akan menerima bimbingan dari guru dalam satu masa yang khusus untuk dengan tujuan untuk melakukan pemantauan terhadap perkembangan dan mengukuhkan lagi kefahaman murid. Oleh itu, selaras dengan pandangan Imam al-Mawardi (2009) dan Imam al-

Ghazali (2003) bahawa konsep bimbingan itu ialah berupa latihan, bantuan, dan petunjuk kepada murid.

i. Targhib Dan Tarhib

Guru-guru uagama ketika di sekolah, mereka bukan hanya mengajar malahan mereka dianggap sebagai motivator. Semasa mengajar Fiqh, guru-guru uagama sering memberikan motivasi dalam bentuk ganjaran seperti memberi pujian atau memberikan sesuatu benda. Sebagaimana fenomena di sekolah uagama, guru-guru akan memberikan kata-kata pujian seperti ‘bagus’, ‘baik’ bagi murid-murid yang memberikan respon terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Selain itu, memberikan tepukan tangan juga merupakan salah satu cara meningkatkan motivasi murid. Biasanya memberi tepukan berlaku selepas murid-murid dapat menjawab soalan guru. Selain memberi kata pujian dan tepukan tangan, guru-guru uagama juga didapati memberikan ganjaran dalam bentuk kebendaan. Oleh itu, tindakan ini sebagai memberikan motivasi sewajarnya perlu ada dalam sebuah pengajaran kerana hal yang demikian dapat meningkatkan kesungguhan dan kegigihan murid untuk belajar (Jahidih et al., 2019).

Ganjaran dalam bahasa Arab dikenali sebagai al-Targhib manakala peringatan atau dendaan pula dikenali sebagai al-Tarhib. Oleh itu, dalam konteks pendidikan kedua-dua konsep iaitu al-Targhib dan al-Tarhib amat sinonim dalam kalangan guru. Memberi ganjaran adalah merupakan tindakan untuk mendorong dan merangsang individu seperti murid untuk belajar (Sapie et. al., 2018; Ghazali, 2017). Sementara tujuan al-Tarhib ialah mencegah seseorang dari perbuatan buruk dengan memberikan kesedaran kepada mereka (Ghazali, 2017; Abd. Rachman, 2013; Sri Minarti, 2013; Heri, 2012; Ahmad Tafsir, 2012).

Dalam konteks pendidikan kaedah al-Tarhib adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada murid tentang kepentingan belajar (Nur Ain & Zamri, 2019). Sesuai dengan tanggapan Imam al-Ghazali tentang guru umpama ibu bapa kepada murid (Ramayulis & Samsul, 2010; Imam al-Ghazali, 2003). Oleh itu, mereka juga bertanggungjawab untuk mendidik dan mengajar murid serta memimpin mereka ke jalan yang benar. Kesemua ibu bapa pasti inginkan anaknya berjaya dunia dan akhirat. Oleh itu, guru amat berperanan penting ketika berada di sekolah.

Dalam al-Quran juga ada menyebutkan tentang al-Targhib dan al-Tarhib sepertimana dalam surah az-Zalzalah ayat 7-8,

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ۖ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ۝

Tafsirnya: “Maka sesiapa yang mengerjakan kebaikan sekalipun seberat zarah, nescaya dia akan melihat (ganjaran)nya (7). Dan sesiapa mengerjakan kejahatan sekalipun seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya (8)”.

ii. Inovasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bilik Darjah

Berdasarkan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Uagama Seri Begawan Ke-8, 5 November 2018 Masehi (Pelita Brunei, 10 November 2018), Baginda bertitah;

“Beta suka menyarankan supaya ahli akademik, para guru dan graduan mengambil kesempatan atas kecanggihan teknologi ini, untuk lebih kreatif, inovatif dan produktif dalam menyediakan sumber bahan bantu mengajar yang lebih menarik,

cepat dan mudah, yang juga boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan mutu dan kegiatan dakwah”.

Gagasan menggunakan teknologi dalam pengajaran amat ditekankan bagi setiap pendidik sama ada guru-guru secara umumnya mahupun guru-guru agama secara khususnya. Imam al-Mawardi ada menyatakan tentang guru dan kemahiran mereka menggunakan inovasi dalam pengajaran (Syamsul Bahri, 2014). Dunia yang semakin berkembang dan tuntutan pendidikan di abad ke-21 telah memberikan peluang kepada guru-guru agama untuk memanfaatkan teknologi dan komunikasi maklumat sebagai alat bantu mengajar di sekolah. Salah satu aplikasi yang biasa digunakan oleh guru-guru agama dalam mengajar ialah menggunakan multimedia Powerpoint sebagai saluran untuk penyampai maklumat.

Keperluan penggunaan teknologi sebagai alat bantu mengajar dipercayai banyak memberi implikasi terhadap pengajaran guru. Banyak kajian lepas membincangkan tentang pengaruh multimedia Powerpoint terhadap minat dan motivasi murid belajar (Siti Astri, 2016; Zulkifli, 2014; Nur Aisyah et al., 2012). Literature lepas juga ada membincangkan tentang pedekatan teknologi dapat mempengaruhi pengajaran berkesan di bilik darjah (Asma et al., 2020; Ivan Chong, 2016; Jain et al., 2018; Rusli, 2013; Azrin, 2012).

iii. Penerapan Akhlak Semasa Mengajar

Guru dalam mengajar, mereka dikehendaki untuk membuat penerapan akhlak semasa dalam pengajarannya. Hal ini kerana berdasarkan dalam buku persediaan mengajar, terdapat satu ruang yang diisikan guru dengan menyenaraikan beberapa nilai-nilai murni yang akan diterapkan selaras dengan bahan pengajaran yang digunakan. Oleh itu, keadaan ini adalah selaras dengan pandangan Imam al-Ghazali (2003) tentang amalan pengajaran guru perlu sentiasa membuat penerapan akhlak kepada murid. Penerapan akhlak ini ada hubungkait dengan konsep guru memberi nasihat. Guru dalam mengajar ditegah untuk melakukan kekerasan dan cacian (Imam al-Ghazali, 2003). Oleh itu, cara yang lebih relevan guru amalkan semasa mengajar ialah menggantikannya dengan menerapkan nilai-nilai murni kepada murid.

Guru-guru agama dianggap sebagai pendidik dan umpama ibu bapa kepada murid. Oleh itu, mereka memegang tanggungjawab untuk membentuk akhlak muridnya. Kesedaran guru atas tanggungjawab yang digalas akan menyebabkan mereka sentiasa terus berusaha untuk membekalkan nilai baik kepada murid (Ghazali, 2017). Selari dengan pandangan Imam al-Ghazali bahawa guru hendaklah membekalkan nilai-nilai murid semasa mengajar. Oleh itu, penerapan nilai-nilai akhlak dalam pengajaran Fiqh berlaku sepanjang pengajaran guru sama ada secara langsung ataupun tidak langsung yang bersesuaian dengan isi pelajaran yang diajarkan.

4.0 KESIMPULAN

Banyak berlaku perubahan terhadap corak dan amalan pengajaran guru di sekolah. Pengajaran Fiqh juga tidak ketinggalan mengalami perubahan daripada aspek pedagogi pengajaran. Guru-guru agama sekarang ini tidak hanya memfokuskan pengajaran berpusatkan guru samata-mata, malahan penglibatan murid juga diambil kira sebagai usaha untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Fiqh di sekolah agama. Prinsip pengajaran yang diperkenalkan oleh Imam al-Mawardi dan Imam al-Ghazali dilihat ianya adalah berlandaskan kepada pengalaman mereka menjadi tenaga pengajar ketika di zamannya. Prinsip-prinsip pengajaran tersebut dilihat masih relevan dan diamalkan oleh guru-guru agama di Brunei. Guru-guru agama bolehlah merujuk beberapa prinsip pengajaran para sarjana Islam, kerana prinsip-

prinsip ini sudah setentunya adalah berdasarkan kepada hasil pengalaman mereka dan juga masih relevan walaupun dunia pendidikan masa kini mengalami banyak perubahan.

5.0 RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. (2013). *Pengurusan Pendidikan Islam Mekanisme Transformasi Ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Abd. Rachman Assegaf. (2013). *Aliran Pemikiran Pendidikan Islam Hadharah Keilmuan Tokoh Klasik Sampai Modern*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Abdul Hamid bin Mohd Daud. (2004). *Perkembangan Persekolahan Agama di Negara Brunei Darussalam dari Tahun 1956-1984 Masehi*. (Gelaran Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Mohd Daud). Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Salam Yussof. (2010). *Idea-Idea Pendidikan Berkesan Al-Ghazali Dan Konfusius*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Muhammad Iqbal. (2015). *Pemikiran Pendidikan Islam: Gagasan-Gagasan Besar Para Ilmuan Muslim*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ahmad Mohd Salleh & Mohd Farid Hafidz Ahmad. (2008). *Siri Pendidikan Guru Islam Agama Rabbani Dasar Pendidikan Islam Teras*. Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ahmad Tafsir. (2012). *Ilmu Pendidikan Islam*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Aslan Suhari. (2019). Sejarah Kurikulum Pendidikan Islam di Brunei Darussalam. *Jurnal Iqra' Kajian Ilmu Pendidikan*, 4(1), 113-127.
- Asma binti Hilmi, Zarima binti Mohd Zakaria & Ai Fatimah Nur Fuad. (2020). Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Arab Dalam Melaksanakan Kelas Berbalik. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(3), 50-67.
- Awang Asbol bin Haji Mail. (2012). *Sejarah dan Persejarah Brunei Dinamika Pembentukan & Transformasi*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awang Asbol bin Haji Mail. (2017). *Pensejarahan Brunei: Islam dan Evolusi Sosial*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awang Abdul Aziz bin Awang Juned. (2008). *Islam In Brunei During the Region of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan Of Brunei Darussalam*. (Terjemahan). (Gelaran Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Awang Juned). Negara Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Azrin bin Haji Tunjang. (2012). *Keberkesanan Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Fiqh Tahun 10*. [Tidak Diterbitkan]. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Dalam Pengajian Islam. Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.
- Buku Panduan dan Peraturan Am Kerja Guru-Guru Ugama 1985 (Pindaan 2019). (2020) Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. (2014). *Tokoh-Tokoh Abadi Pendidikan Islam: Ibnu Sahnun, al-Qabisi, Ibnu Khaldun*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Ghazali Basri. (2017). *Pendidikan Islam Huraian Konsep dan Aplikasi*. Selangor: IDE Research Centre Sdn. Bhd.
- Heri Jauhari Muchtar. (2012). *Fikih Pendidikan*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Imam al-Ghazali. (2003). *Ihya 'Ulumuddin*. (Jilid 1). (Terjemahan). Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd.

- Imam al-Mawardi. (2009). *Adabu Dunya wa Din* (Terjemahan). Pondok Gede: PT. SAHARA Intisains.
- Imam al-Muhyiddin An-Nawawi. (2010). *Shahih Muslim- Bab Agama Adalah Nasihat*. (Jilid 1 & 2). Lebanon: Dar Al-Marefah.
- Imam al-Zarnuji. (t.th). *Ta'alim Al-Muta'alim Tariq Al-Ta'alum*. Qairah: Darul Busyra.
- Imam Hujatul Islam Abu Ahmad bin Muhammad al-Ghazali. (2018). *Ayyuhal Walad*. (Terjemahan). Kedah: Khazanah Banjariah.
- Imam an-Nawawi. (2012). *Syarah Riyadhus Shalihin Imam an-Nawawi*. (Jilid 1). (Terjemahan). Jakarta: Gema Insani.
- Jahidih Saili, Nurul Hamimi binti Awang Japilan & Azmil Hashim. (2019). Pengetahuan Pedagogi Guru KKQ Dalam Pengajaran Tajwid Al-Quran Di Lembah Klang. *The Online Journal of Islamic Education*, 7(1), 36-45.
- Jain Chee, Mariani Md Nor, Abdul Jalil Othman & Mohd Nazri Abdul Rahman. (2018). Isu Pengetahuan Kandungan, Pedagogi dan Teknologi Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran*, 6(1), 7-21.
- Johar bin Haji Jumat. (2014). *Kaedah Demonstrasi Dalam Mata Pelajaran Fiqh: Kajian Eksperimen di Sebuah Sekolah Ugama Negara Brunei Darussalam*. [Tidak Diterbitkan]. Disertasi Ijazah Sarjana Perguruan Ugama. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Negara Brunei Darussalam.
- Ibn Khaldun. (2011). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. (Terjemahan). Indonesia: Pustaka al-kautsar.
- Ivan Chong. (2016). Pedagogical Design Capacity and Underlying Knowledge Base of Curriculum Materials Use of a Hong Kong English Teacher. *English Language Teaching, Canadian Center of Science and Education*, 9(5), 85-97.
- Mahayudin Yahya. (2017). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya ke Atas Sistem Pendidikan Islam di Brunei*. Dalam Norarfan Zainal & Mahayudin Yahya (eds.). Ketokohan dan Sumbangan Yang Dimuliakan Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz Dalam Bidang Ilmu dan Pendidikan Agama, (1-34). Negara Brunei Darussalam: UNISSA Press.
- Masri bin Haji Kambar. (2010). *Dasar Pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam: Satu Kajian Semasa Pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien III dan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (1950 hingga 2007)*. [Tidak Diterbitkan]. Tesis Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam. Universiti Utara Malaysia.
- Mohammad Abd. Rahman. (2011). *Islam Di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*. (Gelaran Allahyarham Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Pengiran Haji Abd Rahman). Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd 'Athiyah Al-Abrasyi. (1974). *Dasar-Dasar Pokok Pendidikan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Mohd. Khairuddin Abdullah. (2009). Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Konstruktivisme. Dalam Mohd Yusof Abdullah et. al. (Eds.). *Pengetahuan Pedagogi Guru*. (13-23). Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong. (2012). *Islam Cara Hidup Yang Lengkap*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.
- Musthafa Bugha. (2013). *Mukhtasar Sahih Muslim*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Nur Ain Elzira Abdullah & Zamri Mahamod. (2019). *Kajian Pembelajaran Pembangunan Profesionalisme Berterusan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Aisyah Mohammad Noor, Zamri Mohamad, Afendi Hamat & Mohamed Amin Embi (2012). Persepsi Pelajar Terhadap Aplikasi Perisian Multimedia Dalam Pembelajaran Komsas Bahasa Melayu Tingkat 1. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 1-16.

- Nur Hanani Hussin. (2015). *Pengajaran Ibadat Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. [Diterbitkan]. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Pendidikan Agama di Negara Brunei Darussalam. (1996). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Agama.
- Ramayulis & Samsul Nizar. (2010). *Ensiklopedia Tokoh Pendidikan Islam*. Ciptat: PT. Ciptat Press Group.
- Rusli Haji Md Salleh. (2013). Wibawa Guru Agama Merentasi Ekspektasi Masyarakat dan Negara. Dalam Tiara Basman (Eds.), *Melestarikan Aspek Kerohanian Dalam Profesion Perguruan Agama (25-48)*. Negara Brunei Darussalam: Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.
- Siti Astri hj Moksini. (2016). *Aplikasi ASSURE Dalam Pengajaran Fiqh Sekolah Menengah, Negara Brunei Darussalam*. [Tidak Diterbitkan]. Tesis Ijazah Sarjana. Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Sri Minarti. (2013). *Ilmu Pendidikan Islam Fakta Teoritis-Filosofis & Aplikasi-Normatif*. Jakarta: AMZAH.
- Syaikh Jamaluddin Al-Qasimi. (2010). *Buku Putih Ihyā 'Ulūm al-Dīn Imam al-Ghazali*. (Tahqiq). Pondok Gade: PT Darul Falah.
- Syamsul Bahri bin Andi Galigo. (2013b). *Pemikiran Tarbiyah Menurut Imam Ghazali. Bil. 6*. [Monograf Pendidikan Islam]. Negara Brunei Darussalam: Penerbit Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.
- Syamsul Bahri bin Andi Galigo. (2014). *Pemikiran Tarbiyah Menurut Imam Mawardi. Bil 9*. [Monograf Pendidikan Islam]. Negara Brunei Darussalam: Penerbit Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.
- Syamsul Kurniawan & Erwin Marus. (2013). *Jejak Pemiiran Tokoh Pendidikan Islam*. Jogjakarta: Ar-Ruzz Media.
- Titah Sempena Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan Kali ke 8. Pelita Brunei Tahun 63/Bilangan 135. (2018, November 10). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan (m.s 2).
- Zulkifli Zakaria. (2014). *Media Pengajaran Dalam Pendidikan Islam. Bil. 8*. [Monograf Pendidikan Islam]. Negara Brunei Darusaalam: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.

PENEROKAAN DAN PENGESAHAN INSTRUMEN AMALAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DALAM KALANGAN GURU TAHAP SATU

Siti Fazlyana Mat Husin

Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

sitifazlyana@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengesahkan instrumen amalan pentaksiran di kalangan guru tahap satu. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Seramai 100 orang guru tahap satu terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Data dianalisis secara deskriptif dengan memperoleh nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach dan analisis EFA menggunakan perisian SPSS. Hasil analisis menunjukkan bahawa nilai Alpha Cronbach adalah 0.922 yang melebihi 0.60. Hasil dari analisis faktor penerokaan menunjukkan lima faktor dengan nilai eigen lebih besar daripada 1.0. Nilai KMO (Kaiser-Meyer-Olkin) $0.615 > 0.6$ menunjukkan item-item dalam konstruk amalan pentaksiran adalah mencukupi untuk saling berkaitan. Manakala Ujian Bartlett adalah signifikan (Chi Square 2576.204, $p < 0.05$) dengan nilai anti-imej (Measure of Sampling Adequacy, MSA) untuk item berkorelasi melebihi 0.6. Walaubagaimanapun, hasil keputusan didapati bahawa item-item A13, B1, B4, B5, C6, dan D1 telah digugurkan kerana mempunyai nilai 'anti-image correlation matrix' kurang daripada 0.6. Ini menunjukkan item yang digugurkan sebanyak 10 peratus adalah boleh diterima kerana jumlah item yang telah dibuang tidak melebihi 30 peratus. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa item untuk instrumen amalan pentaksiran dapat mengukur dan menjawab persoalan kajian. Sebanyak 49 item telah disahkan dan sesuai untuk mengukur konstruk amalan pentaksiran di kalangan guru tahap satu.

Kata Kunci : *amalan pentaksiran, analisis faktor penerokaan*

1.0 PENGENALAN

Amalan Pentaksiran bertujuan untuk mengesan perkembangan pembelajaran murid (Stiggins & Bridgeford, 1984) serta pencapaian akademik murid (Ng, 1991). Terdapat pelbagai aktiviti amalan pentaksiran yang boleh diamalkan oleh guru dalam bilik darjah bermula daripada awal hingga akhir sesi PdP. Guru merupakan pihak yang di pertanggungjawab dalam melaksanakan pentaksiran untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid. Proses ini juga akan membantu guru dalam menyediakan rancangan pengajaran yang akan dapat membantu murid mengatasi kelemahan mereka dan melakukan pengukuhan kepada murid yang berjaya untuk ke tahap seterusnya.

Amalan pentaksiran bilik darjah (PBD) telah lama diimplementasikan oleh negara-negara maju (Kumutha Raman & Hamida Yamat, 2014). Tidak ketinggalan, Malaysia turun melaksanakannya pada tahun 2011. Namun pelaksanaan PBD secara menyeluruh adalah dilaksanakan pada tahun 2018 dengan memansuhkan peperiksaan dwitahunan bagi murid tahap 1 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Peperiksaan dwitahunan telah digantikan dengan aktiviti pentaksiran formatif yang berterusan sepanjang tahun seperti projek mudah, kuiz, permainan, main peranan dan bercerita (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Kajian ini dilakukan untuk membuat penyesuaian terhadap instrumen amalan pentaksiran bilik darjah guru tahap satu. Sehubungan itu, penyelidik berusaha untuk membuat kesahan dan kebolehpercayaan dengan melakukan analisis faktor penerokaan (EFA) disebabkan penghasilan instrumen ini adalah hasil dari adaptasi dari instrumen sedia ada oleh pengkaji terdahulu (Gonzales, 2012).

2.0 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen amalan pentaksiran guru tahap satu.

3.0 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat dua persoalan utama dalam kajian ini yang cuba dijawab, iaitu:

1. Adakah instrumen amalan pentaksiran ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang dapat diterima pakai?
2. Adakah instrument amalan pentaksiran ini mempunyai nilai kesahan yang dapat diterima pakai?

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan konstruk amalan pentaksiran adalah untuk mengumpul maklumat bagi mengetahui tahap perkembangan pembelajaran murid dan pengajaran guru (Angelo, 2001). Dalam konteks kajian ini, penyelidik memfokuskan amalan pentaksiran yang dilakukan oleh guru dalam bilik darjah yang melibatkan aktiviti guru dalam merancang pentaksiran yang berkesan, menyediakan item pentaksiran, mentadbir pentaksiran untuk menilai kebolehan murid, melapor pencapaian murid, dan mengambil tindakan susulan serta merumuskan hasil dapatan pada keseluruhan aspek perkembangan murid. Dipercayai kelima-lima aspek tersebut merangkumi keperluan amalan yang diperlukan oleh seseorang guru dalam merealisasikan amalan pentaksiran yang baik dan berkesan di dalam bilik darjah.

5.0 BATASAN KAJIAN

Skop kajian adalah terbatas kepada tujuan kajian. Kajian ini hanya mengkaji aspek amalan pentaksiran bilik darjah bagi guru tahap satu. Seramai 100 orang guru tahap satu di sekolah Kuala Langat, Selangor terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Pengumpulan maklumat ini tertakluk sepenuhnya dengan menggunakan soal selidik sebagai medium pemerolehan data. Analisis data bergantung sepenuhnya kepada item-item yang dibangunkan oleh pengkaji berdasarkan adaptasi daripada kajian terdahulu.

6.0 TINJAUAN LITERATUR

Amalan pentaksiran berkait rapat dengan peranan seorang guru dalam bilik darjah iaitu untuk memperoleh maklumat tentang kemajuan dan pencapaian seseorang murid, memberi latihan atau kerja rumah kepada murid berdasarkan tahap pencapaian murid, menyemak hasil kerja murid, menentukan konstruk yang ingin ditaksir dalam proses PdP serta merangsang minat murid untuk belajar. Menurut Stiggins (1992), guru perlu mengenalpasti tentang kelebihan dan kelemahan setiap teknik pentaksiran yang digunakan supaya dapat memilih teknik pentaksiran yang bersesuaian dengan pembelajaran murid.

Sebelum perancangan pentaksiran dilaksanakan, guru hendaklah mengenal pasti potensi dan keupayaan sedia ada murid yang hendak dinilai supaya dapat merancang program yang bersesuaian dengan kebolehan mereka. Menurut Sanchez dan Brisk (2004), amalan perancangan pentaksiran merupakan rangka yang disediakan oleh guru sebelum menjalankan pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang hendak dinilai dan dokumen kurikulum yang sedia ada.

Penyediaan item pentaksiran merupakan amalan pentaksiran yang penting untuk memastikan kualiti item pentaksiran bilik darjah dari aspek kesahan dan kebolehpercayaan (Hale, 1980). Semasa menyediakan item pentaksiran, guru perlu mengkaji sukatan pelajaran, menentukan jenis dan bilangan soalan serta menganalisis objektif pembelajaran. Penyediaan item pentaksiran hendaklah berpandukan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) yang telah ditetapkan. Pembelajaran yang baik haruslah jelas, terperinci, dan disusun mengikut tahap kesukaran. Ianya penting untuk mengenal pasti apa yang perlu dikuasai oleh murid, memberi fokus terhadap penguasaan hasil pembelajaran, membantu merancang serta mempelbagaikan kaedah pembelajaran yang berkesan selain membantu membina ujian formatif dan sumatif (Noorlyda, 2012).

Selain itu, dalam memastikan pentaksiran bilik darjah berjalan dengan lancar, guru hendaklah memastikan amalan pentadbiran pentaksiran dan penskoran adalah teratur dan terancang. Penskoran adalah untuk memastikan gambaran hasil pentaksiran tepat dengan apa yang murid tahu dan boleh lakukan. Oleh itu terdapat beberapa kaedah penskoran yang boleh diamalkan oleh guru dalam bilik darjah antaranya ialah penskoran rubrik. Penskoran rubrik menyediakan satu set garis panduan pada setiap aras yang diperlukan untuk menilai prestasi murid dan merupakan skema yang dibuat oleh guru atau penilai sebagai panduan untuk menganalisis hasil pencapaian murid.

Seterusnya, laporan skor dan penggredan merangkumi maklum balas yang diberikan oleh guru kepada pelajar dan ibu bapa setelah memperoleh hasil pentaksiran sama ada ianya pentaksiran formatif ataupun sumatif (Boston, 2002; Cizek, Fitzgerald, Shawn & Rachor, 1995). Skor merupakan satu proses pengumpulan data bertujuan untuk mengukur tahap kecekapan murid bagi melambangkan kebolehan seseorang murid dalam sesuatu bidang. Manakala gred digunakan oleh guru untuk menjelaskan kepada ibu bapa dan murid tentang hasil pencapaian murid.

Hasil pentaksiran sangat penting untuk guru mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran murid. Penggunaan dan penilaian data merupakan tindakan susulan yang diambil untuk memperbaiki kelemahan pembelajaran murid dan kebiasaannya dilakukan terhadap murid yang tidak hadir ke kelas, tidak menumpukan perhatian serta sering melakukan kesilapan. Guru perlu memastikan data yang diperolehi hasil daripada pentaksiran digunakan secara efektif dalam proses penambahbaikan pencapaian murid. Guru boleh menggunakan data tersebut untuk menjelaskan kepada murid tentang kefahaman dan kemahiran murid secara terperinci.

Menerusi huraian dan penjelasan tentang amalan pentaksiran yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini memfokuskan aspek amalan pentaksiran berhubung dengan perancangan pentaksiran, penyediaan item pentaksiran, pentadbiran pentaksiran dan penskoran, laporan skor dan penggredan serta penggunaan dan penilaian data yang seharusnya dimiliki oleh seorang guru matematik. Justeru itu, instrumen soal selidik dalam kajian ini adalah penting bagi menguji perkara tersebut dan seterusnya mengesahkannya untuk diguna pakai dalam kajian akan datang.

7.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data secara terus daripada responden kajian kerana proses pemungutan data dapat dikendalikan dengan efisien dan maklumat dapat diperolehi dengan cepat serta data dapat diperihalkan mengikut soalan kajian yang ingin diselesaikan (Creswell, 2014).

Persampelan Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 100 orang guru tahap satu yang mengajar di Kuala Langat, Selangor. Bilangan sampel seramai 100 orang adalah sesuai untuk kajian ini yang melibatkan analisis faktor penerokaan (EFA) (Hair et al., 2014) sebagaimana di jadual 1.

Jadual 1
Bilangan minimum sampel berdasarkan ujian analisis statistik

Ujian analisis statistik	Bilangan minimum sampel yang dicadangkan
Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	Sekurang-kurangnya 100 atau pada kadar 5 atau 20 kali bilangan pembolehubah

(sumber: Hair et al. 2014)

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan satu instrumen soal selidik yang sedia ada yang diadaptasi dari kajian pengkaji terdahulu iaitu item-item soal selidik dalam kajian Gonzales (2012) adalah dirujuk bagi mendapatkan maklumat mengenai sub konstruk amalan pentaksiran. Set soal selidik terdiri daripada 55 item untuk mengukur konstruk amalan pentaksiran seperti yang diperincikan di jadual 2. Setiap item diukur menggunakan Skala Likert 5 mata. Dapatan dari

kajian ini dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*.
Jadual 3 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item.

Jadual 2
Perincian Item Mengikut Bahagian

Bahagian	Konstruk/Sub Konstruk	Bilangan Item
Bahagian A	Demografi Guru	2
Bahagian B	Amalan Pentaksiran	
	• Perancangan pentaksiran	14
	• Penyediaan item pentaksiran	20
	• Pentadbiran pentaksiran dan penskoran	11
	• Laporan skor dan penggredan	5
	• Penggunaan dan penilaian data	5
	Jumlah item	55

Jadual 3
Analisis Deskriptif bagi Setiap Item yang Mengukur Konstruk Amalan Pentaksiran

No	Item	Min	Sisihan Piawai
A1	Saya menyediakan sekurang-kurangnya 3 objektif pembelajaran untuk setiap subjek yang saya ajar	3.5660	.7353
A2	Saya merujuk kepada kurikulum apabila saya menetapkan objektif pembelajaran	4.0377	.6447
A3	Saya mematuhi taksonomi dalam menyediakan objektif pembelajaran	3.8868	.6052
A4	Saya menyediakan objektif pembelajaran untuk setiap topik yang saya akan taksir	3.9811	.4961
A5	Saya menyediakan pelan pentaksiran berdasarkan objektif pembelajaran	3.9811	.5999
A6	Saya memastikan setiap topik yang diajar ada dalam pelan pentaksiran	3.9057	.5927
A7	Saya mengaitkan proses pengajaran dengan proses pentaksiran	3.9245	.5792
A8	Saya menyediakan pelbagai jenis soalan untuk mengukur pelbagai tahap kemahiran kognitif pelajar	3.8868	.6358
A9	Saya memastikan objektif pembelajaran adalah jelas sebelum merancang pentaksiran	3.9811	.5329
A10	Saya memastikan bahawa strategi pentaksiran adalah sesuai	3.9245	.6111
A11	Saya memastikan bahawa setiap objektif diberikan kepentingan yang seimbang dalam pelan pentaksiran	3.9434	.6998
A12	Saya menilai bagi setiap kategori objektif pembelajaran	4.0566	.5649
A13	Saya menyediakan jadual spesifikasi untuk semua subjek yang diajar	3.8491	.7127
A14	Saya menulis objektif pembelajaran dengan jelas agar pelajar tahu apa yang akan ditaksir	4.0189	.4961
B1	Saya menggunakan buku teks sebagai rujukan ketika menulis item ujian	4.0189	.5999
B2	Saya merujuk garis panduan penulisan item dalam membina ujian.	4.0000	.5842
B3	Saya menyediakan pelbagai soalan dalam satu ujian.	4.0755	.5096
B4	Saya mengumpul item dalam dalam format yang sama	3.7547	.6129
B5	Saya menyemak semua soalan supaya bersesuaian dengan spesifikasi pentaksiran yang ingin dijalankan	3.9811	.4563
B6	Saya memberikan arahan yang jelas untuk setiap jenis soalan ujian.	4.0943	.4873
B7	Saya menyusun soalan ujian dari yang senang kepada yang susah.	3.9811	.6600
B8	Saya memastikan soalan dan jawapan ujian berada di muka surat yang sama.	3.7925	.7117
B9	Saya mengelak memasukkan item yang rasis atau bias etnik dan jantina.	4.0189	.6882
B10	Saya memastikan bahawa jawapan bagi ujian pelbagai pilihan disusun secara rawak.	3.8491	.7640
B11	Saya hanya memasukkan soalan esei apabila perlu.	3.4528	.7682
B12	Saya mengelakkan soalan yang bolehh diteka	3.5283	.6633
B13	Saya menerangkan asas dalam memperoleh tindak balas item yang jelas.	3.7736	.5383
B14	Saya mengimbangi soalan mudah dan sukar.	4.0189	.5329
B15	Saya menyertakan gambarajah /jadual dan soalan ujian berada pada mukasurat yang sama.	3.8679	.6469
B16	Saya menulis arahan dengan jelas.	4.0755	.6414

B17	Saya menyediakan ruang kosong untuk menulis nama mereka dan tarikh ujian.	4.0943	.6819
B18	Saya memeriksa semua soalan ujian dan arahan sebelum dicetak.	4.0377	.6447
B19	Saya menyediakan ruang yang cukup untuk setiap soalan ujian.	4.0566	.6579
B20	Saya memberitahu pelajar jika kertas jawapan yang berasingan digunakan.	4.0189	.6600
C1	Saya memberikan motivasi yang sewajarnya kepada pelajar sebelum memulakan pentaksiran	3.8679	0.7918
C2	Saya memastikan persekitaran sesuai sewaktu aktiviti pentaksiran	3.9057	0.7607
C3	Saya memastikan penipuan tidak berlaku semasa pentaksiran	3.9623	0.7276
C4	Saya menyediakan rubrik sebelum menanda kertas ujian	3.8302	0.6671
C5	Saya memastikan pelajar mempunyai kertas dan pen yang mencukupi sebelum memulakan ujian	3.7736	0.8630
C6	Saya mencatat markah ujian secara rawak	3.2642	1.1379
C7	Saya memastikan mempunyai bahan ujian yang cukup sebelum mentadbir ujian	3.9009	.6916
C8	Saya menyediakan ruang yang cukup untuk semua pelajar semasa aktiviti ujian dijalankan	3.9481	.7364
C9	Saya mencatat soalan penyelesaian masalah secara objektif dengan menggunakan rubric	3.7978	.6825
C10	Saya menyemak semula kertas ujian jika perlu	3.9340	.7321
C11	Saya memastikan masa yang mencukupi untuk memeriksa kertas ujian	3.9198	.6732
D1	Saya memberi maklum balas kepada pelajar selepas selesai setiap ujian	4.0142	.6566
D2	Saya memberi gred yang setara dengan total skor ujian	3.7736	.7451
D3	Saya menerangkan kepada pelajar bagaimana skor diperolehi	3.8679	.6469
D4	Saya berkongsi keputusan ujian dengan guru dan guru besar jika perlu	3.7264	.8820
D5	Saya memastikan ibu bapa dimaklumkan tentang keputusan pentaksiran pelajar	3.7358	.6787
E1	Saya mengenalpasti tahap kesukaran setiap item ujian setelah pentaksiran selesai	3.7689	.6446
E2	Saya menjalankan analisis item untuk mengetahui sama ada item boleh membezakan keupayaan pelajar	3.6792	.7226
E3	Saya membuat satu bank item yang ringkas untuk setiap subjek	3.6981	.7177
E4	Saya mempamerkan nama pelajar yang berjaya dalam ujian untuk memotivasi pelajar	3.4717	.9460
E5	Saya mengembalikan semua kertas ujian yang telah diperiksa	3.9245	.8226

Kebolehpercayaan Instrumen

Kajian ini menggunakan kebolehpercayaan ketekalan dalaman untuk menguji instrumen yang digunakan berdasarkan nilai pekali alfa. Memandangkan pemilihan respon adalah mengikut skala seperti skala Likert, maka pekali alfa digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan dalaman instrumen (Cohen & Swerdlik, 2002) dengan nilai (α) yang diguna pakai adalah 0.6 dan ke atas (Lim, 2007).

Kesahan Instrumen

Kesahan sesuatu instrumen adalah bergantung kepada kebolehpercayaan instrumen tersebut. Apabila instrumen telah mencapai tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima iaitu memberikan jawapan yang konsisten, instrumen tersebut dijangkakan boleh memberi ukuran yang sah (Creswell, 2012). Oleh itu, pengkaji melakukan kesahan muka, kesahan kandungan dan kesahan konstruk bagi memastikan instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah menepati apa yang ingin dikaji. Kesahan muka dapat memastikan item dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur, kesahan ini juga untuk memastikan kejelasan bagi setiap item, soalan bersesuaian dan masa menjawab yang mencukupi (DeVellis, 2003). Untuk kesahan muka, pengkaji telah merujuk kepada dua orang guru bahasa melayu untuk menyemak dan mengesahkan instrumen kajian berbentuk soal selidik ini bagi mendapatkan maklum balas mereka dari aspek kebolehbacaan, laras bahasa, kejelasan makna item, kefahaman dan kejelasan arahan. Kesahan kandungan adalah merujuk kepada ketepatan kandungan dan format instrumen. Pengkaji telah merujuk kepada dua orang pensyarah Universiti untuk membuat semakan dalam memastikan keselarian antara item dengan kandungan. Kesahan konstruk bertujuan untuk menentukan sejauh mana sesuatu instrumen itu mengukur apa yang sepatutnya diukur dengan tepat barulah ujian tersebut dianggap sah (Chua, 2014). Kesahan konstruk

terhadap instrumen kajian ini dilakukan dengan melaksanakan analisis faktor penerokaan (EFA). Setelah disemak oleh pakar, pengkaji perlu melakukan pembetulan ke atas beberapa item dalam soal selidik terhadap struktur ayat supaya lebih ringkas dan tepat.

Analisis Data

Analisis data untuk kajian ini adalah menggunakan analisis faktor penerokaan (EFA).

Analisis Faktor Penerokaan (EFA)

Dalam kajian ini, pengkaji telah melakukan EFA untuk kesahan konstruk bagi menentukan kesahihan item-item soal selidik selaras (Bagozzi, Yi & Philips, 1991). Pengguguran akan dibuat terhadap item-item yang tidak berkolerasi untuk mengecilkan dan mengurangkan skop daripada kedudukan asal untuk memberikan suatu interpretasi baharu dalam komponen-komponen yang baharu (Rietveld & Van Hout, 1993) bagi membentuk satu komponen tunggal dalam soal selidik. Bagi kajian ini, faktor pembeban yang ditetapkan melebihi 0.6 adalah bersesuaian dengan saiz sampel seramai 100 orang (Hair et al., 2014). Kesesuaian data sampel menerusi ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dengan nilai KMO 0.60 sebagai nilai minimum untuk analisis faktor yang baik (Tabachnick & Fidell, 2014) dan ujian Keseferaan Barlett (Bartlett's Test of Sphericity) menggunakan nilai kesignifikan ($\text{sig} < 0.05$) (Yong & Pearce, 2013). Nilai eigen ialah ≥ 1.0 bagi menentukan bilangan faktor yang mewakili dimensi-dimensi sesuatu konstruk yang diukur (Hair et al., 2014). Bagi struktur faktor untuk setiap konstruk dibangunkan secara berasingan berasaskan kepada kaedah mengekstrak indikator asas analisis komponen utama, PCA (principal component analysis) dengan teknik putaran varimax (varimax rotation technique) menggunakan Kaiser Normalization untuk meminimumkan korelasi antara faktor dan memaksimumkan korelasi dalam faktor (Nunnally, 1978). Oleh itu, dirumuskan bahawa langkah-langkah penganalisisan data bagi prosedur EFA hendaklah memenuhi indeks kebagusan (goodness-of-fit) seperti di Jadual 4.

Jadual 4

Indeks Kebagusan (Indeks Goodness-Of-Fit) untuk Analisis Faktor Penerokaan (EFA)

Indeks Model EFA	Nilai yang dicadangkan
Ujian Keseferaan Barlett (Barlett's Test of Sphericity)/ $\chi^2(\text{Sig.} < 0.05)$	< 0.05
Kecukupan sampel/ Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)	≥ 0.60
Nilai faktor pembeban (loading factor)	≥ 0.60
Keseragaman (communalities)	≥ 0.30
Nilai Eigen (Eigen value)	≥ 1.00
Peratus sumbangan varians terhadap faktor	≥ 3.00

8.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 5 memaparkan nilai pekali Cronbach Alpha (α) dengan nilai sub konstruk amalan pentaksiran berada dalam lingkungan julat antara 0.881 hingga 0.951 manakala untuk konstruk amalan pentaksiran ialah 0.922. Dapatan ini menunjukkan bahawa instrumen soal selidik ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi mengikut klasifikasi Babbie (1992) kerana

pekali (α) melebihi 0.6. Pendapat ini disokong oleh Ghazali dan Sufean (2018) yang menyatakan bahawa pekali (α) yang berada dalam julat nilai 0.71 hingga 0.99 merupakan tahap terbaik bagi item-item instrumen. Oleh itu, item-item dalam soal selidik ini adalah sangat konsisten dan boleh digunakan untuk proses memungut data.

Jadual 5
Kebolehpercayaan Cronbach Alpha (α) Soal Selidik Amalan Pentaksiran

Konstruk	Sub Konstruk	Bil Item	Cronbach Alpha Sub-Konstruk	Cronbach Alpha (α)
Amalan	Perancangan Pentaksiran	14	0.951	0.922
Pentaksiran	Penyediaan Item Pentaksiran	20	0.944	
	Pentadbiran Pentaksiran dan Penskoran	11	0.950	
	Laporan Skor dan Penggredan	5	0.807	
	Penggunaan dan Penilaian Data	5	0.881	

Analisis Faktor Penerokaan Bagi Konstruk Amalan Pentaksiran

Jadual 6 menunjukkan keputusan EFA untuk konstruk amalan pentaksiran. Nilai KMO ialah 0.615 melebihi 0.6 dan ujian *Bartlett's Test Sphericity* adalah signifikan ($P\text{-Value} < 0.05$) dengan nilai *Chi-square* 20358.162 pada darjah kebebasan 1485. Bermaksud analisis faktor boleh diteruskan.

Jadual 6
Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item KMO dan Bartlett's Test Konstruk Amalan Pentaksiran

Kaiser-Meyer-Olkin	Measure of Sampling Adequacy	0.615
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	20358.162
	Df	1485
	Sig.	.000

Jadual 7 menunjukkan matriks komponen dengan putaran varimax. Item-item A13, B1, B4, B5, C6 dan D1 telah digugurkan kerana mempunyai nilai *factor loading* kurang daripada 0.6 manakala item-item lain dikekalkan dan dikelompokkan mengikut faktor-faktor yang ditetapkan. Keseluruhannya, sebanyak 6 item telah digugurkan dari 55 item, menjadikan sebanyak 49 item yang tinggal. Ini menunjukkan item yang digugur adalah sebanyak 10 peratus dan masih bertepatan dengan kehendak Hair et al. (2010) yang menyatakan jumlah item yang dibuang tidak boleh melebihi 30 peratus.

Jadual 7
Matriks Komponen dengan Putaran Varimax Sikap Terhadap Matematik

Item	Faktor				
	Perancangan Pentaksiran	Penyediaan Item Pentaksiran	Pentadbiran Pentaksiran dan Penskoran	Laporan Skor dan Penggredan	Penggunaan dan Penilaian Data
A1	.586				
A2	.781				
A3	.621				
A4	.807				
A5	.798				
A6	.723				
A7	.619				
A8	.699				
A9	.803				
A10	.830				
A11	.649				
A12	.726				
A14	.704				
B2		.506			
B3		.801			
B6		.548			
B7		.590			
B8		.619			
B9		.775			
B10		.736			
B11		.741			
B12		.642			
B13		.565			
B14		.764			
B15		.677			
B16		.820			
B17		.837			
B18		.859			
B19		.889			
B20		.898			
C1			.757		
C2			.760		
C3			.831		
C4			.737		
C5			.658		
C7			.822		
C8			.700		
C9			.756		
C10			.784		
C11			.745		
D2				.520	

D3	.511	
D4	.569	
D5	.772	
E1		.779
E2		.828
E3		.764
E4		.749
E5		.750

9.0 KESIMPULAN

Analisis faktor penerokaan (EFA) dalam kajian ini bertujuan untuk membolehkan pengukuran konstruk amalan pentaksiran yang lebih tepat dan bermakna bagi guru tahap satu. Oleh yang demikian, keperluan untuk mengubah suai instrumen yang sedia adalah sangat diperlukan dengan melaksanakan EFA agar kesemua item yang terlibat termuat berdasarkan kepada faktor-faktor yang telah ditetapkan. Analisis faktor menunjukkan lima faktor iaitu perancangan pentaksiran, penyediaan item pentaksiran, pentadbiran pentaksiran dan penskoran, laporan skor dan pengreddan, dan penggunaan dan penilaian data dengan setiap item mempunyai *factor loading* yang memuaskan melebihi 0.6. Begitu juga dengan tahap kebolehpercayaan instrumen soal selidik ini mempunyai nilai pekali *Cronbach Alpha* (α) yang tinggi menunjukkan ianya sesuai digunakan dalam kajian ini. Bermakna, instrumen soal selidik ini yang terdiri daripada 49 item adalah dipercayai dan sah digunakan dalam kajian akan datang untuk mengukur amalan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru tahap satu.

10.0 RUJUKAN

- Angelo, T. (2001). *Classroom assessment: Guidelines for success*. Essays on Teaching Excellence. <http://teaching.uchicago.edu/pod/angelo.html>
- Bagozzi, R.P., Yi, Y. and Phillips, L.W. (1991). *Assessing Construct Validity in Organizational Research*. *Administrative Science Quarterly*, 36, 421-458. <http://dx.doi.org/10.2307/2393203>
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan-Asas Statistik Penyelidikan* (Buku 2), Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (4th ed.)*. Boston, MA: Pearson.
- DeVellis, R.F. (2003). *Scale Development Theory and Applications*. (2nd ed.). Thousand Oaks, California: Sage Publications
- Gonzales, R. & Fugan, C. (2012). *Exploring the Conceptual and Psychometric Properties of Classroom Assessment*. *The International Journal of Educational and Psychological Assessment*, 9(2).
- Hair, Jr., J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L. & Black, W.C. (2010). *Multivariate data analysis*. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2014). *Pearson New International Edition: Multivariate Data Analysis*. *Exploratory Data Analysis in Business and Economics*. https://doi.org/10.1007/978-3-319-01517-0_3
- Hale, G (1980). *Effect of Item Disclosure on TOEFL Performance*, "Research Report No. 8, Educational Testing Services: Princeton, NJ
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018b). *Surat siaran bil.* 14/2018: Pemansuhan amalan peperiksaan pertengahan dan akhir tahun murid tahap 1 di sekolah rendah KPM mulai tahun 2019
- Kumutha Raman & Hamida Yamat. (2014). *A Case Study: Barriers Teachers Face in Integrating ICT during English Lessons*. Malaysian Online Journal of Educational Technology, v2 n3 p11-19 2014
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Selangor: McGraw- Hill (Malaysia).
- Ng, See Ngean (1991). *Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Noorlyda Abd Latib. (2012). *Mengapa hasil pembelajaran harus ditentukan?* Retrieved from <http://www.slideshare.net/NoorlydaAbdLatip/hasilpembelajarankpd4033presentation>.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory* (2nd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Rietveld, T., & Van Hout, R. (1993). *Statistical Techniques for the Study of Language and Language Behaviour*. Berlin: Walter de Gruyter
- Sanchez, M. T., & Brisk, M.E. (2004). *Teachers' assessment practices and understandings in bilingual program*. NABE Journal of Research and Practice, 2(1), 1993-208.
- Stiggins, R.J., and N. Conklin. (1992). *In Teachers' Hands: Investigating the Practice of Classroom Assessment*. Albany NY: SUNY Press.
- Stiggins, R. J., & Bridgeford, N. J. (1984). *The use of performance assessment in the classroom*. Portland: Northwest regional educational lab.
- Tabachnick, B., G. ve Fidell, L. S. (2014). *Using multivariate statistics* (6th editions).
- Yong, A.G., & Pearce, S. (2013). *A Beginner's Guide To Factor Analysis: Focusing On Exploratory Factor Analysis*. *Tutorials In Quantitative Methods For Psychology*, 9(2), 79-94